

Lunas: MIC Kedah cadang tujuh nama

BH - 9 NOV 2000
ALOR STAR, Rabu - MIC Kedah mencadangkan tujuh nama, termasuk seorang wanita sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Pengerusi MIC negeri, Datuk V Saravanan, berkata mereka sudah ditemuduga oleh Setiausaha Agung MIC, G Sothinathan dan Naib Presiden MIC, Datuk S Veerasingam, selepas mesyuarat MIC di Padang Serai malam tadi.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Katanya, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu akan menyerahkan senarai cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk pertimbangan.

Sementara itu, Bernama melaporkan Samy Vellu akan membuat keputusan mengenai calon parti itu selepas pulang daripada menghadiri satu persidangan mengenai pengangkutan jalan raya pintar di Rom pada hujung minggu ini.

Beliau dijangka memilih beberapa nama sebelum mengemukakannya kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Kerusi DUN Lunas kosong ekoran pembunuhan wakil rakyatnya, Dr Joe Fernandez, di Bukit Mertajam minggu lalu.

Semalam, Pengerusi BN Kedah yang juga Menteri Besar, Datuk Syed Razak Syed Zain dilaporkan berkata tiada jaminan BN akan terus meletakkan calon MIC bagi pilihan raya kecil Lunas, walaupun ia kerusi tradisi MIC.